



CRISTINA (kiri) dan Ahmady menunjukkan hadiah mereka selepas majlis penutupan.

## Cristina, Ahmady dinobatkan sebagai olahragawati, olahragawan UMS

GL Oh De 9.5.2018 ♀

KOTA KINABALU: Cristina Ideris dan Ahmady Radi dinamakan sebagai olahragawati dan olahragawan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang dihadiri oleh Mayor Datuk Yeo Boon Hai pada petang Selasa lepas.

Cristina yang merupakan pelajar tahun tiga, memenangi gangsa bersama pasukan ragbi wanita kebangsaan di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, emas dalam kumite karate dan perak dalam silat di Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt) 2018.

Pelajar tahun dua Ahmady, sementara itu, memenangi gangsa individu dalam poomsae di Kejohanan Taekwondo Sedunia G1 Terbuka Malaysia 2018, emas dalam poomsae campuran dan perak dalam poomsae individu di Sukipt 2018.

Dua atlet itu masing-masing menerima RM1,000 serta

trofi dan sijil.

Sementara itu, anugerah olahragawan harapan dimenangi oleh atlet pecut Tonga Jody Edmond yang memenangi emas dalam acara 200m dan perak dalam 100m di Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2018.

Atlet taekwondo Nurifa Saiful Husna pula menerima anugerah olahragawati harapan dengan pencapaiannya dalam poomsae dengan memenangi gangsa berpasukan di Kejohanan Taekwondo Sedunia G1 Terbuka Malaysia 2018, dan turut menduduki tempat kelima dalam acara berpasukan di Sukan SEA 2017.

Taekwondo turut mengungguli kategori pasukan dengan memenangi anugerah pasukan lelaki terbaik dengan emas mereka di Masum 2017 dan perak di Sukipt 2018, dan pasukan wanita terbaik dengan pencapaian perak di Sukipt 2018.